

30/04/2004

Berjaya Times Square pusat beli belah terbesar

KUALA LUMPUR: Pusat beli belah Berjaya Times Square Kuala Lumpur (Berjaya Times Square) secara rasmi diiktiraf sebagai pusat beli belah terbesar oleh Malaysia Book of Records berikutan keluasannya yang mencecah 3.4 juta kaki persegi sehingga mampu menempatkan lebih 1,000 penyewa.

Selain pusat beli belah terbesar, Berjaya Times Square menempatkan sebuah taman tema dalam bangunan, Cosmo's World Theme Park, yang diiktiraf sebagai taman tema dalam bangunan terbesar oleh Malaysia Book of Records.

Pengurus Besar Operasi dan Ruang Niaga Kompleks, KS Wong, berkata pusat beli belah 12 tingkat yang menempatkan ruang jualan, makanan dan hiburan adalah 46 peratus daripada 7.5 juta kaki persegi binaan bangunan yang menempatkan sebuah hotel.

"Sejak dibuka pada 29 September tahun lalu, Berjaya Times Square menerima kunjungan lebih enam juta pelawat dalam dan luar negara.

"Ia menempatkan pelbagai pengalaman beli belah di lebih 1,000 ruang kedai, termasuk pasar raya terkemuka Britain, Debenhams," katanya pada Majlis Penyerahan Sijil Malaysia Book of Records di sini, baru-baru ini.

Sijil diserahkan Pengasas dan Pengarah Urusan The Malaysia Book of Records, Datuk Danny Ooi. Turut hadir Penolong Pengurus Besar Cosmo's World Theme Park, Feroz Moideen.

Wong berkata, penyenaraian pusat beli belah dan taman tema berkenaan dalam Malaysia Book of Records membuktikan semangat Malaysia Boleh yang menyebabkan ia mampu dicapai rakyat Malaysia.

"Penyenaraian ini membuktikan dengan semangat Malaysia Boleh, projek sebegini besar boleh dicapai dan ia akan meletakkan Berjaya Times Square dalam peta dunia bagi menyertai mercu tanda lain.

"Pada masa yang sama, kami akan membuka beberapa lagi tarikan pengunjung, termasuk dewan teater IMAX 2D dan 3D pertama di Malaysia, pusat boling terbesar negara, sebuah dewan konsert yang boleh menempatkan sehingga 9,000 penonton dan sebuah panggung wayang.

"Semua dijangka dibuka pada suku tahun ketiga dan keempat tahun ini," katanya.

Sementara itu, Feroz berkata, sejak taman tema dibuka tahun lalu, ia menerima kira-kira 600,000 pengunjung dengan jumlah pengunjung 6,000 sehari, terutama pada musim cuti persekolahan.

Ooi berkata, kedua-dua rekod berkenaan akan dimasukkan dalam edisi khas Malaysia Book of Records Gold Edition - A Tribute To Tun Dr Mahathir Mohamad yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 2 Mac lalu.

"Edisi emas sebanyak 312 muka surat itu adalah yang keempat dalam siri itu dan saya percaya ia pengakuan terbaik terhadap pencapaian mereka yang mahu berjaya," katanya.

(END)